

**N01 - KUALA LINGGI**



# KEMBALIKAN GEMILANG PANTAI TELUK GONG

Faiz Hasan

**KUALA LINGGI** - Usaha menambak semula Pantai Telok Gong yang sebelum ini 'hilang' akibat hakisan mampu mengembalikan zaman kegemilangan kawasan perangan itu yang sebelum ini menjadi antara destinasi persinggahan utama di Alor Gajah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Linggi, Rosli Abdullah berkata, kerja menambak semula pantai berkenaan dilaksanakan kontraktor yang dilantik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Melaka.

"Kerja penambakan itu dimulakan 7 Jun lalu, selepas siap pantai di perairan berkenaan akan lebih lebar, lebih luas jadi akan ada lebih ruang untuk pengunjung bersantai dalam keadaan yang lebih selesa.

"Tidak dinafikan hakisan



**ROSLI**

yang berlaku sejak beberapa tahun lalu memusnahkan banyak kemudahan disediakan untuk pengunjung hingga tidak boleh lagi digunakan," katanya ketika dihubungungi.

Beliau yang juga Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi

dan Hal Ehwal Agama negeri berharap apabila siap kelak, projek itu akan merancakkan lagi aktiviti pelancongan kepada penduduk tempatan khusus mereka yang terjejas akibat hakisan.

Malah, beliau juga akan membuat permohonan kepada Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) agar menyediakan kemudahan asas yang lengkap seperti medan selera, tandas awam dan tarikan untuk pengunjung bergambar.

"Kita juga mengalu-alukan aktiviti perkhemahan di kawasan itu apabila ia siap nanti. Cumakita minta pengunjung dapat menjaga kebersihan dan mengelakkan sebarang aktiviti atau perbuatan tidak sopan di kawasan tersebut," katanya

Sementara itu, Timbalan Pen-

**FOKUS DUN**

arah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka, Ir. Ts. Faiz Hassan berkata, kerja-kerja penambakan pasir di pesisir Pantai Telok Gong dilakukan bertujuan mengatasi hakisan pantai yang berlaku sebelum ini.

Jelasnya, projek berkenaan bermula lebih awal daripada dijadualkan dan dijangka mengambil masa lebih kurang setahun untuk disiapkan.

Menurutnya, projek tambahan dengan kelebaran 30 meter dan panjang 300 meter itu dibangunkan dengan menelan peruntukan sebanyak RM2.02 juta.

"Skop projek ini dibangunkan sepanjang 300 meter di sekitar Pantai Telok Gong yang mana ia dijadualkan siap menjelang 18 Oktober tahun hadapan.

"Dengan penambakan yang

dijalankan ia sekurangnya mampu mengatasi isu hakisan pantai yang berlaku khususnya dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi dan Tanjung Bidara.

"JPS berharap agar projek yang dilaksanakan kontraktor terlibat dapat dilaksanakan sepenuhnya," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Tinjauan Melaka Hari Ini mendapati kerja-kerja penambakan berkenaan telah dijalankan oleh kontraktor yang dilantik.

Terdapat sekurang-kurangnya tiga jentera berat termasuk mesin penyedut pasir (dredger) ditempatkan di lokasi berkenaan bagi melakukan kerja pengorekan dan penambakan pasir.

Kehadiran kapal yang merapat hingga ke pantai turut menarik perhatian orang ramai dan pengguna jalan raya.



**KERJA** menambak Pantai Telok Gong giat dijalankan kontraktor dilantik JPS. Foto Iqmal Haqim Rosman



**ANTARA** struktur yang hampir rebah akibat hakisan.